

Bahagian A: (10 markah)

Pilih perkataan yang seerti/seiras maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah di dalam setiap item ini.

1. Samad berasa gembira mendengarkan **berita** tersebut.

surat
khabar
tulisan
gambar

2. Kampung itu musnah setelah dilanda **bah**.

kemarau
salji
hujan
banjir

3. Dia meninggalkan **bekas** di atas pasir yang lembab itu.

lubang
tanda
batu
sampah

4. Ibu memarahinya kerana dia bercakap **bohong**.

keji
sombong
pantas
dusta

5. Kita harus membantu **insan** yang memerlukan bantuan.

lelaki
dara
manusia
sultan

Bahagian B: (10 markah)

Pilih perkataan yang berlawan/berpasang maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah di dalam setiap item ini.

1. **Isteri** Encik Salleh sangat pandai memasak.

Suami
Datuk
Anak
Bapa

2. Kakak Osman berambut **panjang**.

lurus
terang
rendah
pendek

3. Buah belimbing itu masih **mentah**.

merah
masam
matang
gugur

4. Adik belum tidur walaupun hari sudah jauh **malam**.

siang
tohor
nyala
cerah

5. Air kopi yang kakak buat itu tidak **pekat**.

manis
keruh
hitam
cair